

TRK akan membantu pihak-pihak berunding penyelesaian dengan persetujuan sebelum pendengaran dijalankan.

The CAT will assist parties in negotiating an agreed settlement before proceeding to hear the appeal.

KEPUTUSAN TRIBUNAL DECISION OF TRIBUNAL

TRK akan menyampaikan keputusannya kepada pihak-pihak setelah pendengaran tamat.

The CAT will deliver its decision to the parties after the hearing is concluded.

Perayu atau responden boleh memohon kepada TRK untuk alasan bertulis keputusan TRK dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan dimaklumkan kepada mereka. Keputusan bertulis akan disampaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan tersebut.

The appellant or respondent can apply to the CAT for the written reasons of the CAT's decision within 28 days of the date of decision. The written reasons will be furnished within 30 days of such application.

Keputusan TRK boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi.

The CAT's decision can be appealed to the High Court.

PRA SYARAT PRE CONDITION

Perayu hendaklah membayar semua duti dan cukai yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam sebelum rayuan didengar.

An appellant must pay all duties and taxes as determined by the Director General of Customs before an appeal is heard.

Untuk mendaftarkan rayuan atau membuat pertanyaan, sila hubungi kami di alamat dan nombor telefon seperti yang tertera di bawah:

To register an appeal or make further enquiries please contact the CAT as follows:

HUBUNGI KAMI CONTACT US

TRIBUNAL RAYUAN KASTAM
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
ARAS 4, PERBENDAHARAAN 2
NO. 7, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

No. Tel : 03-8890 6400/6406
No. Faks : 03-8890 6412/6415
Emel : tribunalkastam@treasury.gov.my
Laman Web : <http://www.treasury.gov.my>
Perbendaharaan
Portal TRK : <http://tribunalkastam.treasury.gov.my>



TRIBUNAL RAYUAN KASTAM CUSTOMS APPEAL TRIBUNAL

MY e-TRK
TRIBUNAL RAYUAN KASTAM

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

**MINISTRY OF FINANCE
MALAYSIA**

LATAR BELAKANG BACKGROUND

Tribunal Rayuan Kastam (TRK) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2007 dan merupakan badan bebas kehakiman untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam di bawah akta-akta berikut:

1. Akta Kastam 1967
2. Akta Eksais 1976
3. Akta Cukai Jualan 1972 dan
4. Akta Cukai Perkhidmatan 1975

The Customs Appeal Tribunal (CAT) was established on 1 June 2007 and is an independent judicial body to hear appeals against the decision of the Director General of Customs under the following acts:

1. Customs Act 1967
2. Excise Act 1976
3. Sales Tax Act 1972 and
4. Service Tax Act 1975

OBJEKTIF OBJECTIVE

Memperuntukkan sistem rayuan yang adil, telus dan cepat kepada mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam.

Provide an appeal system which is fair, transparent and speedy for any person aggrieved by the decision of the Director General of Customs.

Meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran rayuan percukaian supaya lebih mesra perniagaan dan pelanggan.

Enhance the efficiency of the tax administration appeal system to make it more business and client friendly.

SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT RAYUAN WHO CAN APPEAL

Mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kecuali perkara-perkara kompaun dan rampasan barang.

Any person aggrieved with the decision of the Director General of Customs under the Customs Act 1967, Excise Act 1976, Sales Tax Act 1972 and Service Tax Act 1975 except for matters relating to compound and forfeiture of goods.

HAD MASA MEMFAILKAN RAYUAN TIME LIMIT FOR FILING APPEAL

Rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi keputusan.

An appeal against the decision of the Director General of Customs must be filed within 30 days from date of notification of the decision.

PENDAFTARAN RAYUAN REGISTRATION OF APPEAL

Perayu boleh memfailkan rayuan di pejabat TRK dengan mengisi Borang A (Notis Rayuan) dalam 4 salinan dan membayar fi pemfailan sebanyak RM100.00.

An appellant can file an appeal at the CAT office by filling up Form A (Notice of Appeal) in 4 copies and paying the filing fee of RM100.00.

Pihak-pihak boleh memperolehi Borang A:

- di pejabat TRK atau
- muat turun dari laman web
<http://www.treasury.gov.my> atau
<http://tribunalkastam.treasury.gov.my> (portal TRK)

Parties can obtain Form A at:

- the CAT's office or
- download from the website
<http://www.treasury.gov.my> or
<http://tribunalkastam.treasury.gov.my> (CAT's portal)

Rayuan juga boleh difailkan secara atas talian di portal TRK.

An appeal can also be filed online through the CAT's portal.

Selepas pendaftaran, sesalinan Borang A akan dikembalikan kepada perayu.

After registration, a copy of Form A will be returned to the appellant.

PENDENGARAN RAYUAN HEARING OF APPEAL

TRK akan tetapkan tarikh, tempat dan masa pendengaran rayuan.

The CAT will fix the date, place and time for the hearing of the appeal.

Pihak-pihak akan dimaklumkan tarikh, tempat dan masa pendengaran tidak kurang daripada 14 hari sebelum tarikh pendengaran.

The parties will be informed of the date, place and time of hearing not less than 14 days before the date of hearing.